

11 DEC 1999

Taib-Kabinet

SARAWAK PERLUKAN KEMENTERIAN UNTUK TANGANI PENGHIJRAHAN

KUCHING, 11 Dis (Bernama) -- Sarawak akan mewujudkan satu kementerian baru yang berfungsi untuk menangani perkara, masalah dan fenomena berkaitan dengan penghijaran penduduk ke pusat bandar, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, hari ini.

Beliau berkata ini penting kerana bilangan penduduk yang berhijrah sama ada dari bandar ke bandar atau dari luar bandar ke bandar adalah semakin meningkat dan menimbulkan banyak masalah sosial di negeri ini.

"Ini adalah kementerian yang akan dapat menangani tanggungjawab itu dalam bentuk yang bersepadu dan memberi respon kepada fenomena mengenai bilangan penduduk yang berhijrah sama ada dari bandar ke bandar atau luar bandar ke bandar," katanya pada sidang berita selepas merasmikan persidangan perwakilan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) ke-18, di sini.

Abdul Taib berkata kerajaan juga mempunyai data mengenai masalah yang berpunca daripada penghijrahan dan cuba mengatasinya dengan segera.

"Saya akan cuba dapatkan seorang pakar sosiologi yang bagus untuk mengatasi masalah ini," katanya.

Mengenai kabinet baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Abdul Taib berkata ia mempunyai barisan muka lama yang berpengalaman dan muka baru yang mempunyai dorongan tinggi.

Katanya beliau yakin barisan Kabinet baru itu mampu memperkukuhkan dan mempercepatkan langkah ke arah mencapai banyak pembangunan dan tahap sebagai negara maju pada abad akan datang.

"Saya mengalu-alukan kesemuanya. Kabinet baru mempunyai muka lama yang mempunyai pengalaman yang terkumpul sekian lama dan tenaga muda yang mempunyai dorongan dan semangat yang tinggi," katanya.

Mengenai pengguguran Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan Datuk Peter Tinggom Kemarau daripada senarai kabinet itu, Abdul Taib berkata kedua-dua mereka difahamkan meminta supaya tidak disenaraikan dalam Kabinet baru.

Dr Sulaiman, bekas Menteri Pertanian dan Tinggom, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, telah menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk memilih barisan yang terbaik untuk memimpin negara, katanya.

-- BERNAMA

MT NAK